

JUDUL : Berita Harian

TARIKH : Selasa, 23 Ogos 2016

M/S : 34

Ms.34

Selasa, 23 Ogos 2016 BH

→ SASTERA & BUDAYA

Angkat kehebatan Tok Janggut



Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Info

Tok Janggut

- Nama sebenarnya, Mat Hassan Munas.
- Gelaran Tok Janggut kerana menyimpan janggut hingga paras dada
- Lahir pada 1853 di Kampung Jeram, Pasir Puteh, Kelantan
- Dikebumikan di Pasir Pekan selepas gugur dalam pertempuran menentang British pada 1915.

Ketokohan dan perjuangan Tok Janggut, perlu lebih banyak diangkat serta dibicarakan berbanding polemik tidak berkesudahan seperti cara kematian dan kedudukan kubur tokoh pejuang kemerdekaan tanah air itu.

Polemik yang timbul hanya bersandarkan sumber lisan misalnya dakwaan Tok Janggut tidak terbunuh dalam pertempuran dengan British pada 1915, sebaliknya menyembunyikan diri dan meninggal dunia pada usia tua serta dikebumikan di Machang.

Kehidupan Tok Janggut sebagai pejuang kemerdekaan dan bukannya penderhaka seperti yang dimuktamadkan sarjana dan sejarawan perlu diangkat ke tengah masyarakat berpandukan dokumentasi sejarah.

Manuskrip kisah Tok Janggut
Antara catatan paling lengkap yang meriwayatkan kisah Tok Janggut ialah manuskrip oleh Ahmad Abdul Rahman dari Patani yang dipercayai ditulis pada 1950-an.

Manuskrip itu bukan sahaja mengandungi salasilah keluarga, bahkan mencatatkan ilmu persilatan, kebal serta ghaib yang dipelajari Tok Janggut sejak kecil.

Ia turut mencatatkan penceritaan pemergian Tok Janggut ke Makkah yang bukan sahaja untuk menuaikan haji, bahkan mendalami ilmu agama yang mendorongnya untuk menyambut seruan jihad supaya umat Islam menentang penjajah British.



Ketokohan dan kehandalan Tok Janggut terserlah hingga membolehkan beliau mengumpulkan 2,000 pengikut untuk berjuang bersamanya

Hamdan Aziz,
Pensyarah Kanan Jabatan
Kenegaraan dan
Peradaban Pusat
Pendidikan Asas dan
Liberal Universiti Malaysia
Terengganu

Sekiranya banyak filem dan buku diterbitkan mengenai tokoh seperti Hang Tuah dan Lefenan Adnan, sewajarnya kehadiran serta perjuangan Tok Janggut turut diadaptasi ke dalam bentuk lain termasuk drama dan filem untuk dihayati generasi muda.

Pensyarah Kanan Jabatan Kenegaraan dan Peradaban Pusat Pendidikan Asas dan Liberal Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Hamdan Aziz yang turut mengkaji manuskrip berkenaan, berkata semangat juang Tok Janggut untuk mempertahankan Tanah Melayu daripada British perlu dicontohi generasi muda hari ini.

Ulama haraki

“Tok Janggut sedar perjuangannya mungkin akan menyebabkannya terkorban, tetapi beliau mempertahankan pendirian untuk terus menentang British.

“Ketokohan dan kehandalan Tok Janggut terserlah hingga membolehkan beliau mengumpulkan 2,000 pengikut untuk berjuang bersamanya.

“Bukan sahaja hebat sebagai pahlawan, Tok Janggut yang juga ulama haraki yang mencetuskan semangat nasionalisme di Tanah Melayu pada masa itu,” katanya selepas Wacana Manuskrip Melayu: Hikayat Peperangan Tok Janggut di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Kuala Lumpur.

Wacana anjuran PNM dan Persatuan Sejarah Malaysia (PSM) itu dianjurkan sempena Sambutan Bulan Kebangsaan bertujuan

mengetengahkan tokoh pahlawan Melayu, selain pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan ilmu dalam manuskrip Melayu.

Hamdan turut mengulas isu sekeping gambar yang didakwa menunjukkan mayat pahlawan terbilang itu yang banyak menimbulkan perdebatan dalam kalangan ahli sejarah.

Mayat lelaki berjanggut

Gambar yang menunjukkan mayat lelaki berjanggut di atas tikar mengkuang yang turut dipaparkan dalam buku Prof Emeritus Dr Nik Anuar Nik Mahmud itu dikatakan sesetengah pihak bukan gambar mayat Tok Janggut sebaliknya askar Sikh yang turut memburu beliau.

“Jika dirujuk manuskrip Ahmad Abdul, Tok Janggut digambarkan mempunyai fizikal tinggi, hitam, berdahi luas dan berkepala besar serta botak dan ciri itu mempunyai persamaan dengan individu dalam gambar berkenaan.

Berdasarkan gambaran dari pada manuskrip dan akhbar pada zaman Tok Janggut, saya berpendapat itu sememangnya gambar pejuang Melayu itu seperti yang diakui oleh Nik Anuar bahawa gambar itu diambil oleh mereka terabit dalam gerakan memburu Tok Janggut dulu.

“Bagaimanapun, sejarah tidak mutlak dan kecuali ada pengkaji lain yang membawa kepada kita bukti baharu dalam bentuk pensejarahan yang lebih diterima, saya berpegang bahawa itulah gambar Tok Janggut,” katanya.